

**Program Bicara Ilmu bertajuk “Zakat Asas Kebahagiaan Dunia Akhirat”  
(27 Februari 2019)**

Program Bicara Ilmu bertajuk “Zakat Asas Kebahagiaan Dunia Akhirat” oleh Ustaz Mohd Faisal bin Mustaffa, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Dakwah Dan Kutipan Lembaga Zakat Negeri Kedah bertempat di Dewan Syed Nahar, Ibu Pejabat MADA.

Firman Allah SWT yang bermaksud : "Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa juga yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa melihat segala yang kamu kerjakan." (Surah Al-Baqarah, Ayat 110)



Allah SWT memerintahkan setiap orang konsisten dan istiqamah melaksanakan dua asas agama yang penting iaitu solat serta zakat. Solat adalah bukti hubungan yang sangat istimewa antara hamba dan tuhan manakala zakat lambang ikatan erat sesama insan antara kaya dengan miskin.



Solat memperkuat sendi keimanan, meninggikan cita-cita, mengangkat jiwa tatkala berdialog dengan Allah SWT dan menyatukan hati sesama mukmin ketika solat berjemaah. Zakat pula dapat merealisasikan penyatuan manusia melalui kekuatan hubungan antara yang berkemampuan dengan yang memerlukan.

Fungsi solat dan zakat adalah sebahagian daripada jalan untuk mencapai kemenangan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Solat adalah kewajipan harian yang mesti ditunaikan walaupun dalam apa situasi sama ada sibuk, sakit, dalam perjalanan yang sukar dan sebagainya.

